

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 4 TAHUN 1989**

### **KADAR BAYARAN PREMIUM BAGI UBAH SYARAT ATAU SEKATAN KEPENTINGAN BAGI TANAH-TANAH YANG DIPERLUKAN UNTUK MENYERTAI RANCANGAN TANAMAN SEMULA**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa kadar premium tambahan kerana penukaran jenis tanaman di bawah Seksyen 124 (1)(b) atau (c) KTN ialah \$10.00 bagi seekar dengan tidak mengira apa jenis tanamannya. Perkara ini telah diberitahu melalui Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil. 1/78.

2. Mesyuarat P.T.G. Semenanjung yang ke-72 yang bersidang pada 5hb. September, 1988 telah mengkaji kadar premium tambahan bagi tanah-tanah yang dipohon untuk diubah syarat untuk menyertai Rancangan Tanaman Semula di semua Negeri dan bersetuju bahawa kadar minima sebanyak \$10.00 seekar dikenakan untuk mana-mana permohonan ubah syarat tanah-tanah yang menyertai Rancangan Tanaman Semula. Kadar ini adalah sama dengan kadar yang dipakai di Negeri Kelantan bagaimana Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil. 1/72 dan mesyuarat tersebut juga memutuskan bahawa tidak dikenakan apa-apa premium denda bagi tanah-tanah yang menyertai rancangan tersebut.

Sekian.

**t.t**

**( Tengku Elias Bin Tengku Mahmood )**

TIMBALAN PENGARAH TANAH & GALIAN,  
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576, KOTA BHARU.**

**BERTARIKH : 4HB. MEI 1989**

**KEPADA :**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan,  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri, Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.
10. YABrs. Pengarah RISDA Kelantan.

**(Surat tuan Bil. (18) dlm. 403-2/2-4-4-1 bertarikh 25hb. Jun 1987 dirujuk )**

**FAIL : P.T.G. KN. 50/71.JLD.2**